

19/12/2001

Pemuda Pas tetap jangka pilihan raya umum lebih awal

ALOR STAR, Selasa - Semua jentera pilihan raya Pas kini giat membuat persiapan dan persediaan awal bagi menghadapi pilihan raya umum yang mereka jangka diadakan seawal November tahun depan.

Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar, berkata pihaknya dalam proses pelaksanaan mengerah semua peringkat parti untuk menggerak jentera pilihan raya bagi persediaan awal mengikut arahan yang diberikan dari masa ke semasa.

Beliau berkata, jentera pilihan rayanya juga diarah bermesyuarat bagi mengambil langkah perlu sebagai persediaan dan juga peka dengan sebarang perubahan semasa.

Katanya, biarpun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menolak kemungkinan pilihan raya umum lebih awal, pihaknya menjangka kemungkinan besar ia diadakan November tahun depan atau selewat-lewatnya awal 2003.

"Saya tetap mengatakan pilihan raya diadakan lebih awal sebagai satu kemungkinan yang besar kerana bagi saya, Dr Mahathir seorang yang tidak mahu mengiyakan andaian kemungkinan yang dibuat.

"Keyakinan saya itu juga berasaskan kepada usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) dan pimpinan Dr Mahathir sendiri yang giat membina imej kerajaan sejak kebelakangan ini," katanya pada majlis rumah terbuka beliau sempena Aidilfitri di Taman Satria, dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri yang menolak pandangan pihak tertentu berkenaan kemungkinan pilihan raya umum diadakan lebih awal memandangkan keadaan semasa yang memihak kepada kerajaan.

Mahfuz berkata, Dr Mahathir pasti akan mengadakan pilihan raya awal memandangkan keadaan semasa yang memihak kepada mereka seperti ekonomi negara yang stabil dan mempunyai kuasa menyekat saluran maklumat kepada pembangkang.

"Bagi saya, kenyataan Perdana Menteri itu memberi gambaran kepada rakyat supaya tidak memikirkan sangat mengenai pilihan raya bagi mengelakkan rakyat membincangkan mengenai politik negara secara kritis.

"Beliau sebenarnya mewujudkan suatu keadaan politik senyap dan tidak mahu isu politikal yang kritis diperbincangkan walhal dalam masa yang sama kerajaan membina imej yang mantap bagi meraih undi.

"Dari sudut orang politik, sudah tentu beliau tidak mahu sesuatu yang boleh merosakkan pembinaan imej yang dibentuk kerana dikhuatiri akan merugikan kerajaan pimpinannya," katanya.

(END)